



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	4/11/2019	MUKA SURAT : 34
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

# Simpan kulit, organ pak belang

*Penjawat awam ditahan miliki kar-kas harimau yang sudah dikeringkan*

ADILIA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

**S**eorang penjawat awam ditahan bersama kulit, kulit kepala, gigi dan sepasang taring harimau belang di rumahnya di Kampung Lubuk Bunut, Perol, Nilam Puri di sini kelmarin. Lelaki berusia 52 tahun itu ditahan dalam serbuan sepasukan anggota dan pegawai Jabatan Siasatan Jenayah (SJ) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan pada jam 12.30 tengah malam melalui Op Khazanah susulan

penahanan dua lelaki lain bersama rampasan gading dan gigi gajah menerusi operasi sama di Pasir Mas dan Tumpat pada 26 Oktober lalu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasnuddin Hassan berkata, hasil intipan dan maklumat, pihaknya menjalankan serbuan tersebut dan menemui bahagian harimau yang sudah dikeringkan di dalam rumah lelaki terbabit.

"Hasil pemeriksaan dalam rumah milik lelaki tersebut menjumpai satu kulit kepala dan kulit harimau belang yang dikeringkan. "Turut ditemui satu kuku dan sepasang gigi taring dipercayai daripada seekor harimau belang yang diburu secara haram," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Serah Terima Tugas Ketua Cawangan Khas dan Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (SPT) Kontinjen Kelantan di IPK Kelantan di sini semalam.



Hasnuddin menunjukkan gambar kulit kepala harimau belang yang dirampas daripada suspek dalam serbuan kelmarin.

Hasnuddin berkata, modus operandi suspek menyimpan bahagian hidupan liar itu masih dalam siasatan dan pihaknya ti-

dak menolak kemungkinan bertujuan untuk kegunaan sendiri. "Hidupan liar ini dilindungi sepenuhnya dan perbuatan me-

nyimpan bahagian tubuh haiwan tersebut adalah satu kesalahan serius.

"Suspek dan bahagian tubuh harimau belang ini diserahkan kepada Jabatan Perhilitan Kelantan untuk tindakan undang-undang selanjutnya," katanya.

Hasnuddin berkata, suspek ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador yang mendedahkan golongan orang kenamaan atau VVIP antara yang dikesan terlibat dengan aktiviti pemburuan harimau di Taman Negara.

Meraka dipercayai menjadikan aktiviti haram itu sebagai hobi dan turut melibatkan belwas sindiket terbabit dalam aktiviti pemburuan harimau liar tersebut.